



**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**  
**(Human Resources Development Berhad)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

28 Ogos 2002

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 13/2002**  
**PENGENAAN SEMULA KADAR BAYARAN LEVI PADA 1%**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai pengenaan semula kadar bayaran levi pembangunan sumber manusia daripada 0.5% kepada 1% mulai bulan November 2002.

**2. KADAR PENGENAAN LEVI**

- 2.1 Adalah dimaklumkan bahawa pengurangan kadar bayaran levi daripada 1% kepada 0.5% untuk tempoh satu tahun akan tamat pada bulan Oktober 2002. Ini bermakna kategori majikan seperti berikut akan kembali semula membayar levi pada kadar 1% mulai bulan November 2002 (tarikh akhir bayaran ialah pada 31 Disember 2002).

Sektor Perkilangan

(i) Majikan yang mempunyai 50 pekerja atau lebih;

(ii) Majikan yang mempunyai 10 orang pekerja atau lebih tetapi kurang daripada 50 orang dan mempunyai modal berbayar sebanyak RM2.5 juta dan ke atas; dan

Sektor Perkhidmatan

(iii) Majikan yang mempunyai 10 orang pekerja atau lebih.

**3. PENUTUP**

- 3.1 Walaupun pengenaan semula kadar bayaran levi pada 1% berkuat kuasa mulai bulan November 2002 tetapi majikan yang mempunyai tunggakan bagi bulan November 2001 hingga Oktober 2002 tetap masih membayar levi tertunggak berkenaan pada kadar 0.5%.
- 3.2 Untuk keterangan lanjut, pegawai PSMB yang boleh dihubungi adalah:

(i) Suzeiliana binti Mohd. Arshad  
(nombor telefon : 03-2098 4835);

(ii) Jasiah binti Shariff  
(nombor telefon : 03-2098 4862); dan

(iii) Yasmin Ashikin binti Yahya  
(nombor telefon : 03-2098 4862).

Sekian, terima kasih.

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"  
"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"**

Yang ikhlas,

**(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)**  
Pengarah Kewangan  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

